

UM 7/10/2002

Program bulan Ramadan di beberapa IPTA

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP) di empat buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) turut menyemarakkan Ramadan dengan mengadakan pelbagai aktiviti menarik.

Di Universiti Putra Malaysia (UPM), MPPnya mengisi Ramadan dengan aktiviti yang boleh merapatkan silaturahim pemimpin pelajar dan pelajar.

Setiausahanya, **Mohammad Al-Faiz Abd. Hamid** berkata, program terbesar yang akan diadakan ialah Majlis Berbuka Puasa Mega, *Istar Jamaie*.

Menurutnya, program dengan kerjasama Pusat Islam UPM itu akan diadakan pada 13 November ini di Masjid UPM.

Katanya, majlis itu akan digunakan oleh MPP untuk bersemuka dengan pemimpin pelajar peringkat kolej, fakulti, persatuan dan universiti.

Sejak pelantikan baru kepimpinan MPP, katanya, mereka belum berpeluang menemui pemimpin pelajar yang lain.

"MPP UPM sesi 2003/2004 berharap majlis penuh berkat ini dapat merapatkan silaturahim para pemimpin pelajar," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), MPPnya akan

mengadakan program Ihya Ramadan selama dua minggu, mulai 11 hingga 21 November ini.

Yang Dipertuanya (YDP), **Nisar Mohammad Ahmad** berkata, program akan berakhir apabila pelajar mula bercuti untuk menyambut Aidilfitri pada 22 November.

Menurutnya, program akan diadakan mulai waktu berbuka puasa hingga selesai solat sunat Terawih.

"Aktiviti lain yang diadakan ialah kuliyah agama; tahlil, halaqah iaitu membaca kitab suci al-Quran secara berkumpulan sehingga 30 juzuk," katanya.

Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), MPPnya telah pun menyusun beberapa program sempena bulan Ramadan.

YDPnya, **Muhtar Suhaili** berkata, program-program itu adalah seperti berikut:

- Bulan Penghayatan Ramadan (*Ihya Ramadan*) pada 28 Oktober hingga 21 November 2003. Program diadakan bersama pelajar antarabangsa.

- Kempen Kesedaran Islam mulai 3 Oktober hingga 24 November 2003. Program diadakan dengan kerjasama kolej-kolej dan Masjid SHAS.

Tema program ialah Bulan yang Satu, Fikrah yang Satu, Ummah yang Satu. Antara aktiviti yang dijalankan sepan-

jang kempen itu ialah Forum Mencari Sinar Lailatul Qadar; Majlis Khatam al-Quran dan Berbuka Puasa bersama anak-anak Yatim.

Selain itu, turut diadakan ialah Majlis Berbuka Puasa Perdana Qiam Ramadan dan pementasan kebudayaan.

Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), YDPnya, **Sapri Raupu** berkata, tadarus al Quran diadakan setiap hari di Masjid UMS iaitu selepas solat Terawih.

Menurutnya, program berbuka puasa turut diadakan termasuk satu program yang melibatkan pelajar bukan Muslim.

"MPP UMS menjemput pelajar bukan Muslim untuk hadir pada majlis berbuka puasa yang akan diadakan pada 10 November ini.

"Majlis itu akan diadakan di semua kolej kediaman iaitu empat kolej di dalam kampus dan tiga kolej di luar kampus," katanya.

Beliau berkata, rasional majlis itu turut melibatkan pelajar bukan Muslim adalah untuk memberi kefahaman kepada mereka mengenai konsep berpuasa di kalangan umat Islam.

Cara itu diharap dapat melahirkan perasaan hormat antara pelajar pelbagai agama sekali gus merapatkan silaturahim.